

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN  
[KUBANG KERIAN]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan penjelasan mengenai tindakan susulan daripada resolusi yang telah dicapai dalam Kongres Masa Depan Bumiputera dan Negara 2018.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kongres Masa Depan Bumiputera dan Negara 2018 (KBN 2018) yang telah diadakan pada 1 September 2018 yang lalu telah menghasilkan 63 resolusi merangkumi 4 bidang fokus iaitu nilai, moral dan etika; pendidikan dan modal insan; pemilikan dan penciptaan kekayaan; serta keusahawanan dan perniagaan.
2. Sebahagian daripada cadangan resolusi KBN tersebut telahpun diambil kira dalam pelaksanaan hala tuju, strategi dan inisiatif Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMKe-11). Sebagai kesinambungan dalam memastikan agenda pembangunan Bumiputera tetap diteruskan sebagai agenda nasional, penekanan dalam bidang fokus yang dibincangkan dalam resolusi tersebut juga telahpun diambil kira dalam kerangka WKB 2030 dan akan dilaksanakan dalam dua tempoh Rancangan Malaysia iaitu Rancangan Malaysia Kedua Belas dan Ketiga Belas (RMKe-12 dan RMKe-13).

3. WKB 2030 merupakan hala tuju baharu pembangunan negara bagi tempoh 10 tahun bermula daripada tahun 2021 hingga 2030. Penekanan WKB 2030 sebahagian besarnya adalah untuk menangani isu jurang ekonomi yang membelenggu rakyat Malaysia khususnya Bumiputera. Penekanan kepada keberhasilan Bumiputera dalam WKB 2030 akan memastikan Bumiputera mencapai kesaksamaan sosioekonomi setara dengan kemajuan etnik lain.

4. Kerajaan komited untuk memastikan ekonomi negara terus membangun dan berkembang dengan utuh dan kukuh. Melalui pendekatan pembangunan yang inklusif dan holistik berasaskan kemakmuran bersama, Kerajaan yakin bahawa jurang ekonomi antara golongan kaya dan miskin dan antara kaum akan dapat dirapatkan termasuk Bumiputera. Ini akan memastikan hasil pertumbuhan ekonomi dapat dikongsi dan dinikmati oleh seluruh rakyat dan negara akan mencapai Kemakmuran Bersama.

Sekian, terima kasih.